A

MOHAMMAD HABIB MOHD APPIS lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ABD HALIM AMAN H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-54-08-2017]
9 JANUARI 2018

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 15(1) – Kesalahan memberikan diri sendiri dadah berbahaya – Kes prima facie – Sama ada terbukti – Sampel air kencing diambil daripada perayu – Sama ada keterangan ditampilkan mengapa perlu disimpan selama 11 hari sebelum dihantar ke Jabatan Patologi – Sama ada terdapat pemutusan rantaian keterangan dan kelompangan dalam kes pendakwaan – Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen -elemen pertuduhan – Kanun Tatacara Jenayah, s. 173(f)*

C

Perayu dalam kes ini dituduh di Mahkamah Sesyen atas dua pertuduhan iaitu pertuduhan memiliki dadah kanabis, suatu kesalahan bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum bawah s. 39A(2) Akta dan kesalahan memberikan kepada diri sendiri dadah berbahaya, suatu kesalahan bawah s. 15(1) yang boleh dihukum bawah Akta yang sama. Di akhir kes perbicaraan, perayu didapati bersalah dan disabitkan atas pertuduhan kedua. Terhadap pertuduhan pertama, perayu dilepaskan dan dibebaskan. Perayu tidak berpuas hati dan telah mengemukakan rayuan. Isu yang timbul adalah, apakah telah terjadi pada sampel air kencing yang diambil daripada perayu yang disimpan selama tempoh 11 hari sebelum dihantar ke Jabatan Patologi untuk ujian.

D

E

F

Diputuskan (membenarkan rayuan; perayu dilepaskan dan dibebaskan):

(1) Hakikat pengambilan sampel air kencing perayu tidak dinafikan. Rekod keterangan menunjukkan sampel air kencing diambil daripada perayu pada 16 Januari 2016. Sampel tersebut yang dikatakan PDRM telah 'seal', hanya dihantar ke Jabatan Patologi pada 27 Januari 2016. Persoalannya, sepanjang tempoh 11 hari sebelum sampel botol air kencing dihantar ke Jabatan Patologi, siapakah yang menyimpan sampel tersebut, dimanakah ia disimpan, apakah langkah yang diambil bagi memastikan sampel tersebut tidak tercemar, dicemar ataupun tidak dikacau ganggu oleh sesiapa. Juga, tiada keterangan ditampilkan mengapakah ia perlu disimpan 11 hari sebelum dihantar ke Jabatan Patologi. Apa yang dihujahkan oleh pihak pembelaan terhadap isu yang dibangkitkan itu jelas ada meritnya, iaitu lompang masih wujud, keraguan yang munasabah masih kekal, inferens yang lebih memihak kepada tertuduh tetap wujud serta pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen yang diperlukan sepertimana pertuduhan. (perenggan 15-17)

G

H

I

(2) Elemen-elemen bawah pertuduhan kedua ini tidak berjaya dibuktikan sepenuhnya oleh pihak pendakwaan. Jelas terlihat terdapatnya putus rantaian keterangan serta terdapatnya lompang dalam kes pendakwaan. Tiada soalan ditanya kepada saksi penting pendakwaan dan tiada penjelasan diberikan akan apakah yang berlaku terhadap sampel air kencing tersebut dari tempoh 16 Januari 2016 sehingga 27 Januari 2016. (perenggan 18)

(3) Apa yang penting adalah tentang identiti spesimen yang diambil, disimpan selamat sebelum dihantar ke Jabatan Patologi serta merupakan spesimen yang telah diambil dengan pastinya. Ini semua adalah penting bagi memastikan tidak terjadi apa jua kekeliruan serta campur aduk berlaku terhadap sampel barang kes terutamanya pada sampel barang kes yang menjadi teras kepada pertuduhan seperti di dalam kes ini. Atas kepincangan serta kecacatan yang dinyatakan itu, adalah sesuatu yang tidak selamat untuk menyatakan suatu kes yang *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu ini. Lantas, berdasarkan s. 173(f) Kanun Tatacara Jenayah, perayu wajar dilepaskan dan dibebaskan, tanpa perlu dipanggil membela diri untuk pertuduhan kedua ini. (perenggan 19-23)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Balasingham v. PP [1959] 1 LNS 8 HC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mohan Singh Lachman Singh v. PP [2002] 3 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 173(f), (h)(i)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 6, 15(1), 39A(2)

Bagi pihak perayu - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co
Bagi pihak responden - Rosidah Abu Bakar; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abd Halim Aman H:

[1] Perayu di dalam kes ini dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada tarikh 30 Mac 2016 di atas dua pertuduhan iaitu pertuduhan memiliki dadah Cannabis, suatu kesalahan di bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta), boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta dan kesalahan memberikan kepada diri sendiri dadah berbahaya iaitu 11-nor-delta-9-tetrahydrocannabino1-9-carboxylic-asid, suatu kesalahan di bawah s. 15(1) yang boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

[2] Melalui nota keterangan seperti yang terdapat di rekod rayuan, di sepanjang perbicaraan kes dilangsungkan, pihak pendakwaan telah mengemukakan seramai empat orang saksi.

[3] Di akhir kes perbicaraan, hakim yang membicarakan kes ini memutuskan perayu disabitkan di atas pertuduhan kedua selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah. Terhadap pertuduhan pertama, perayu dilepas dan dibebaskan.

[4] Di atas perintah dan keputusan bagi pertuduhan kedua tersebut, pihak perayu tidak berpuas hati dan telah mengemukakan rayuan melalui notis rayuan bertarikh 31 Julai 2017. Melalui petisyen rayuan yang terdapat di ms. 5-7, rekod rayuan, sebanyak lima alasan telah dibutirkan untuk dijadikan sebagai asas rayuan. (perenggan 1-5).

[5] Pihak-pihak telah mengemukakan penghujahan masing-masing seperti yang diarahkan.

[6] Fakta kes dirasakan tidak perlu diulangi lagi. la telah diolah serta dihuraikan oleh kesemua pihak, baik oleh Timbalan Pendakwa Raya, peguam bela mahupun oleh hakim bicara sendiri.

Keputusan Mahkamah

[7] Apakah tugas dan tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh mahkamah di peringkat bicara rayuan ini telah dijelaskan di dalam banyak autoriti kes. Sesuatu rayuan itu adalah merupakan penerusan prosiding melalui proses "rehearing". (Lihat keputusan kes *Balasingham v. PP* [1959] 1 LNS 8; [1959] MLJ 193).

[8] Setelah saya meneliti akan rayuan ini secara keseluruhannya dari pelbagai aspek, mengambilkira akan fakta kes ini serta fakta di dalam kes semasa kes dibicarakan di hadapan hakim bicara iaitu melalui kes No: 62D-19-06-2016 serta setelah merujuk kepada kesemua ekshibit yang telah dikemukakan di sepanjang perbicaraan kes tersebut, menimbangkan akan hujahan rayuan oleh pihak perayu agar perintah sabitan dan hukuman diketepikan, serta penghujahan balas yang disampaikan oleh kedua-dua pihak, dengan itu memutuskan bahawa rayuan perayu agar perintah sabitan dan hukuman terhadap perayu bagi pertuduhan kedua diketepikan, adalah dengan ini, diizinkan. Keputusan yang dicapai oleh hakim bicara pada tarikh 28 Julai 2017 dengan ini, diketepikan. Perayu dengan ini dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan kedua.

[9] Di akhir setiap kes pendakwaan, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes yang *'prima facie'* terhadap tertuduh bagi pertuduhan tersebut. Apakah yang dikatakan *'prima facie'* itu?

[10] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 telah menggariskan beberapa prinsip sebagai panduan kepada hakim bicara mengenai beban pembuktian "*prima facie*" di akhir setiap kes pendakwaan. Hakim bicara dikehendaki meneliti akan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan ke tahap "maximum evaluation", di mana bagi "maximum evaluation", kredibiliti saksi-saksi pendakwaan mesti dilakukan secukupnya sebelum mahkamah boleh memutuskan sama ada kes "*prima facie*" berjaya dibuktikan bagi mewajarkan seseorang tertuduh itu diperintahkan untuk dipanggil membela diri. Keduanya, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan kesnya melampaui tahap keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt) ditahap "intermediate" ini.

[11] Di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301, Hakim Augustine Paul (HMR) mengariskan sebagai berikut tanggungjawab seorang hakim bicara di akhir kes pihak pendakwaan: "to undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established."

[12] Oleh yang demikian, sepertimana prinsip yang ditekankan oleh Mahkamah Rayuan melalui kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP (supra)* tersebut, beban atau tahap pembuktian oleh pihak pendakwaan hendaklah dipertimbangkan dengan mengguna pakai prinsip "maximum evaluation" seperti yang diperjelaskan di awal tadi. Persoalannya kini, sama ada di peringkat ini, adakah pihak pendakwaan di dalam kes yang dirayu ini telah berjaya melaksanakan tugas dengan sepenuhnya di dalam membuktikan wujudnya suatu kes yang *'prima facie'* di akhir kes pendakwaan bagi membolehkan pembelaan dipanggil terhadap tertuduh. Atau adakah pihak pembelaan berjaya pula menimbulkan keraguan di tahap ini bagi menafikan tuduhan itu terhadap tertuduh.

[13] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap iaitu di akhir kes pendakwaan adalah menjadi tanggungjawab hakim bicara untuk membuat penilaian yang maksima terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes '*prima facie*' terhadap perayu di atas pertuduhan yang dihadapkan seperti dikehendaki di bawah s. 173(h)(i) Kanun Tatacara Jenayah. Berdasarkan kepada keterangan, saya mendapati adalah sesuatu yang jelas bahawa elemen-elemen di bawah pertuduhan kedua ini telah tidak berjaya dibuktikan sepenuhnya oleh pihak pendakwaan dengan jayanya.

[14] Setelah meneliti hal-ehwal kes ini secara keseluruhannya, saya mendapati hakim bicara yang terpelajar telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa wujudnya suatu kes yang '*prima facie*'; terhadap perayu.

[15] Melalui alasan penghakimannya di ms. 12 rekod rayuan, dinyatakan seperti berikut:

> 4.1 Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 15(1)(a) ini pendakwaan telah membuktikan 'urine' tertuduh telah diambil dan SP1 telah menghantar ke Jabatan Pahtology Kuala Lumpur. Bukti penerimaan sampel 'urine' itu telah dikemukakan kerana botol itu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan Pathology setelah analisis telah dijelaskan oleh Pegawai Penyiasat SP4.
>
> 4.2 Pendakwaan telah membuktikan elemen di bawah Seksyen 15(1)(a) berdasarkan ujian 'urine' yang telah diambil dan dihantar kepada Jabatan Pathology dan telah dianalisa dengan teratur. Laporan Pathologist di P18 menunjukkan bahawa 'urine' yang telah diambil dari Tertuduh itu mengandungi dasph. Oleh itu, saya berpendapat suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pendakwaan bahawa Tertuduh telah memasukkan dadah ke dalam badannya berdasarkan laporan yang telah dikemukakan (P18) oleh Jabatan Pathology tersebut.

[16] Hakikat pengambilan sampel urine perayu, tidak dinafikan. Akan tetapi isu yang masih memerlukan pencerahan adalah, apakah terjadi terhadap sampel urine yang diambil dari perayu yang disimpan selama tempoh 11 hari sebelum ia dihantar ke Jabatan Patologi untuk ujian. Rekod keterangan menunjukkan yang sampel urin diambil dari perayu pada 16 Januari 2016. Sampel tersebut yang dikatakan telah diseal PDRM hanya dihantar ke Jabatan Patologi pada 27 Januari 2016. Persoalannya, di sepanjang tempoh 11 hari sebelum sampel botol urin dihantar ke Jabatan Patologi, siapakah yang menyimpan sampel tersebut, dimanakah ia disimpan, apakah langkah yang diambil bagi memastikan sampel tersebut tidak tercemar, dicemar ataupun tidak dikacau ganggu oleh sesiapa. Bagaimanakah pula untuk memastikan yang sampel itu tidak bertukar dengan sampel yang lain? Juga, tiada keterangan ditampilkan mengapakah ia perlu disimpan 11 hari sebelum dihantar ke Jabatan Patologi.

[17] Mahkamah Rayuan di dalam ke*s Mohan Singh Lachman Singh v. PP* [2002] 3 CLJ 293; [2002] 3 MLJ 291 memutuskan: "The burden of proving its case at raise stage lies on the prosecution. The only task of the accused is to raise a reasonable doubts as to the truth of the prosecution's case. If there are gaps in the case for the prosecution, these cannot be filled by resorting to a purported failure on the parts of the defence to put specific questions relevant to its case. Such gaps must be filled by the prosecution itself." *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16. "That has always been the law. It is still the law".

[18] Apa yang dihujahkan oleh pihak pembelaan terhadap isu yang dibangkitkan itu, jelas ada meritnya, iaitu lompang masih wujud, keraguan yang munasabah masih kekal, inferens yang lebih memihak kepada tertuduh tetap wujud serta pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen yang diperlukan sepertimana pertuduhan.

[19] Apa yang ketara di sini, jelas terlihat terdapatnya putus rantaian keterangan serta terdapatnya lompang di dalam kes pendakwaan. Tiada soalan ditanya kepada saksi penting pendakwaan dan tiada penjelasan diberikan akan apakah yang berlaku terhadap sampel urin tersebut dari tempoh 16 Januari 2016 sehingga 27 Januari 2016.

[20] Soal sama ada satu botol atau dua botol sampel urin diambil, tidak mencacatkan prosedur. Apa yang penting adalah tentang identiti spesimen yang diambil, disimpan selamat sebelum ia dihantar ke Jabatan Patologi serta ia merupakan spesimen yang telah diambil dengan pastinya.

[21] Ini semua adalah penting bagi memastikan yang tidak terjadi apa jua kekeliruan serta campur aduk berlaku terhadap sampel barang kes terutamanya kepada sampel barang kes yang menjadi teras kepada pertuduhan seperti di dalam kes ini.

[22] Di atas kepincangan serta kecacatan yang dinyatakan itu adalah sesuatu yang tidak selamat untuk menyatakan suatu kes yang *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu ini.

[23] Mahkamah ini juga telah meneliti akan setiap keterangan yang telah dicatitkan di sepanjang perbicaraan iaitu dari seramai empat orang saksi kesemuanya, meneliti kepada autoriti-autoriti yang dijadikan rujukan berserta dengan hujahan yang disampaikan, dengan ini memutuskan bahawa hakim bicara yang terpelajar telah khilaf apabila mensabitkan dan mendapati perayu bersalah terhadap pertuduhan kedua ini.

[24] Tiada kes *prima facie* sebenarnya berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Lantas, berdasarkan kepada s. 173(f) Kanun Tatacara Jenayah, perayu wajar dilepas dan dibebaskan, tanpa perlu dipanggil membela diri untuk pertuduhan kedua ini.

[25] Oleh itu, keputusan sabitan oleh hakim bicara dan hukuman bertarikh 28 Julai 2017 terhadap perayu bagi pertuduhan kedua, dengan ini diketepikan. Rayuan perayu diizinkan.